



MAJLIS DAERAH SELAMA
34100 SELAMA
PERAK DARUL RIDZUAN
TEL: 05-8394201 / 8392021

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan kosong dan keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.

Bil	Jawatan	Gred	Taraf Jawatan
1.	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	GRED JA5	KONTRAK/TETAP

PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA5

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Sijil dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
- Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Penolong Pegawai Perancang Bandar di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas berkaitan:-

- i. Mengetuai Jabatan Perancang di Majlis Daerah Selama (MDS).
- ii. Menyediakan maklumat dan pelan yang berkaitan untuk kegunaan perancangan dan koordinasi pembangunan infrastruktur dan utiliti serta pengangkutan/sistem trafik di kawasan perbandaran.
- iii. Memberikan ulasan teknikal bagi permohonan kebenaran merancang pendirian bangunan, pindaan pendirian bangunan, kemudahan infrastruktur dan utiliti bagi kawasan perbandaran.
- iv. Menyediakan pelan dan laporan lawatan tapak bagi semua cadangan pembangunan dan menyediakan pelan bagi pembangunan di kawasan MDS.
- v. Bertanggungjawab terhadap penyelarasan bajet berhubung dengan pengurusan projek, pembangunan dan bajet mengurus. Pembangunan pangkalan data GIS untuk data-data perancangan serta pengumpulan maklumat-maklumat kemajuan perancangan dan pembangunan bandar.

PERMOHONAN:

Syarat lantikan, cara memohon dan borang permohonan boleh dirujuk dan dimuat turun secara **PERCUMA** dari laman Web Majlis Daerah Selama atau melayari pautan **<http://digital.perak.my>** mulai **02 DISEMBER 2025**.

Tarikh Tutup Permohonan: 17 DISEMBER 2025

Catatan Am:

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.